

Pernyataan Privasi SAP untuk Panel Penyelidikan Pengguna SAP (“Panel Ini”)

KANDUNGAN

A.	MAKLUMAT AM	1
I.	Siapakah pihak entiti SAP yang bertanggungjawab?	1
II.	Apakah tujuan SAP memproses Data Peribadi anda dan apakah jenis asas undang-undang yang didasari?	1
III.	Apakah kategori Data Peribadi yang diproses oleh SAP?	2
IV.	Apakah Jenis Pihak Ketiga yang SAP peroleh Data Peribadi?	3
V.	Tempoh SAP menyimpan Data Peribadi anda	3
VI.	Siapakah penerima Data Peribadi anda?	3
VII.	Apakah hak perlindungan data anda dan bagaimana boleh anda gunakan hak tersebut?	3
VIII.	Bolehkah anda menggunakan perkhidmatan SAP jika anda masih bawah umur?	4
B.	PERUNTUKAN TAMBAHAN KHUSUS NEGARA DAN WILAYAH	5
I.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di EU/EEA atau negara yang undang-undang negaranya setara dengan GDPR	5
II.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Australia	5
III.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Colombia.	5
IV.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan Undang-undang Perlindungan Data Umum Brazil (LGPD, Brazilian General Data Protection Law)	6
V.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Filipina.	6
VI.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Afrika Selatan.	6
VII.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Amerika Syarikat.	7
VIII.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Singapura.	8
IX.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Korea Selatan.	8
X.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Malaysia.	8
XI.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di New Zealand	9
XII.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Kanada	9
XIII.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Mexico.	9
XIV.	Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di India	9

A. MAKLUMAT AM

Kami telah menyediakan Pernyataan Privasi ini untuk menunjukkan komitmen tegas SAP (kemudian daripada ini “Kami” atau “SAP”) terhadap hak seseorang kepada perlindungan dan privasi data. Pernyataan ini menggariskan cara SAP memproses maklumat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti seseorang (kemudian daripada ini “Data Peribadi”) secara langsung atau tidak langsung. Pemrosesan dalam konteks Pernyataan Privasi ini bermaksud apa-apa pengumpulan, penggunaan, penyampaian, pendedahan, pemadaman atau apa-apa pengendalian serupa yang lain berdasarkan Data Peribadi (kemudian daripada ini “Pemrosesan” atau “Proses”).

I. Siapakah pihak entiti SAP yang bertanggungjawab?

Pengawal Panel ini ialah SAP SE, Dietmar-Hopp-Allee 16, 69190 Walldorf, Germany dan mana-mana sekutunya, yang ingin menjalankan aktiviti penyelidikan pengguna (bersama-sama “SAP”). Anda boleh menghubungi pegawai perlindungan data Kumpulan SAP melalui [privacy@\[s\]sap.com](mailto:privacy@[s]sap.com).

II. Apakah tujuan SAP memproses Data Peribadi anda dan apakah jenis asas undang-undang yang didasari?

Bergantung pada undang-undang yang dikenakan, pemrosesan Data Peribadi adalah tertakluk pada perwajaran, kadangkala dirujuk sebagai asas undang-undang.

Pematuhan SAP terhadap kewajipan berkanun

- SAP memproses Data Peribadi anda untuk tujuan memastikan tahap keselamatan teknikal dan organisasi yang mencukupi bagi produk, perkhidmatan, acara dalam talian, kemudahan dan premis SAP. Untuk tujuan ini, SAP

akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengesahkan atau mengekalkan kualiti dan keselamatan sesuatu produk atau perkhidmatan yang dimiliki, dikilangkan oleh atau untuk, atau dikawal oleh SAP. Hal ini boleh menjejaskan penggunaan Data Peribadi untuk pengenalan diri yang mencukupi dan pengesahan pengguna yang ditentukan, kawalan kualiti dalaman melalui pengauditan, analisis, dan penyelidikan, penyahpejijatan bagi mengenal pasti dan menyelesaikan ralat yang mengganggu fungsi yang sedia ada atau yang ditujukan, keselamatan akaun dan rangkaian, pereplikaan untuk pencegahan kehilangan, pengesanan kejadian keselamatan, perlindungan daripada aktiviti berniat jahat, mengelirukan, menipu atau aktiviti haram, dan mendakwa sesiapa yang bertanggungjawab terhadap jenis aktiviti sedemikian. Kami boleh memproses nama anda, maklumat yang seumpamanya, dan data berkaitan dengan hubungan atau pematuhan yang lain dengan lebih lanjut apabila anda mengunjungi anggota gabungan atau makmal SAP tempatan dalam konteks pengurusan akses dan pengawasan video untuk melindungi jaminan dan keselamatan lokasi dan aset Kami.

- SAP serta produk, teknologi dan perkhidmatannya tertakluk pada undang-undang eksport pelbagai negara termasuk, tanpa pengecualian, undang-undang negara Kesatuan Eropah dan negara anggotanya, dan Amerika Syarikat. Undang-undang eksport yang dikenakan, sekatan perdagangan dan embargo yang dikeluarkan oleh negara-negara ini mewajibkan SAP menghalang organisasi, entiti sah dan pihak-pihak lain yang disenaraikan dalam senarai pihak disekat yang dikeluarkan oleh kerajaan daripada mengakses produk, teknologi dan perkhidmatan tertentu melalui laman web SAP atau saluran penyampaian yang lain (contohnya, Senarai Sekatan Kesatuan Eropah, senarai sekatan AS termasuk Senarai Individu Disekat Masuk (DPL) oleh Biro Industri dan Keselamatan (BIS), Warga Negara Tertentu yang Disekat dan Senarai Individu Disekat Masuk (senarai SDN) oleh Pejabat Kawalan Aset Asing (OFAC) dan Senarai Entiti Biro Industri dan Keselamatan US DOC serta Sekatan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu). SAP memproses Data Peribadi hingga setakat diperlukan untuk mematuhi keperluan undang-undang ini. Secara khususnya, SAP memproses Data Peribadi untuk menjalankan pemeriksaan automatik terhadap senarai pihak disekat yang berkenaan, untuk mengulangi pemeriksaan sedemikian dengan tetap apabila senarai pihak disekat sudah dikemaskinikan atau apabila seseorang pengguna mengemaskinikan maklumatnya. Sekiranya terdapat kemungkinan padanan, SAP akan menyekat akses kepada perkhidmatan dan sistem SAP, dan kemudian menghubungi pengguna untuk mengesahkan identitinya.
- Jika perlu, SAP menggunakan Data Peribadi untuk menghalang atau membuat dakwaan terhadap kegiatan jenayah seperti sebarang bentuk jenayah siber, penggunaan produk dan perkhidmatan Kami secara haram atau penipuan, untuk menegaskan hak Kami atau membela SAP daripada tuntutan undang-undang.
- Untuk mematuhi keperluan berkaitan dengan undang-undang perlindungan data dan persaingan tak saksama. Bergantung pada negara yang menjadi tempat operasi syarikat Kumpulan SAP yang berkenaan, SAP boleh memproses Data Peribadi yang perlu bagi memberikan pilihan perlindungan dan privasi data untuk menerima maklumat sedemikian dan, apabila perlu bagi memastikan pematuhan, bertukar-tukar maklumat sedemikian dengan entiti lain dalam Kumpulan SAP.

Apabila memastikan pematuhan, SAP memproses Data Peribadi anda jika dan hingga setakat untuk memenuhi keperluan undang-undang di bawah undang-undang Kesatuan Eropah atau Negara Anggota EU yang SAP tertakluk padanya, serta undang-undang dan peraturan luar wilayah EU (kepentingan sah untuk mematuhi undang-undang dan peraturan luar wilayah).

Untuk mengundang anda menyertai aktiviti penyelidikan pengguna

Kami berhasrat memastikan para pelanggan dan rakan kongsi Kami berpuas hati dengan produk dan perkhidmatan Kami, dan dengan itu meminta mereka memberikan maklum balas secara tetap. Kami mengumpulkan data anda agar dapat mengundang anda menyertai aktiviti penyelidikan pengguna yang penting bagi anda. Pemberian data anda dan penyertaan dalam aktiviti penyelidikan pengguna adalah secara sukarela.

Apabila mengendalikan Panel Ini, SAP memproses Data Peribadi anda jika dan hingga setakat

- SAP memperoleh persetujuan anda, jika dikehendaki oleh undang-undang, untuk memproses Data Peribadi anda bagi tujuan ini,
- perlu untuk memenuhi kewajipan (pra)kontraktual dengan anda.

III. Apakah kategori Data Peribadi yang diproses oleh SAP?

SAP memproses Data Peribadi yang anda masukkan apabila anda mendaftar untuk Panel Ini atau menjawab soalan penyaring khusus kajian, apabila diundang untuk menyertai aktiviti penyelidikan. Data ini boleh termasuk:

- Data Hubungan, seperti nama pertama, nama akhir, alamat e-mel.
- Data Peribadi berkaitan dengan hubungan perniagaan dengan SAP, seperti nama syarikat, saiz syarikat, industri, jawatan dan peranan, pengalaman kerja, produk perisian SAP yang digunakan, pengalaman menggunakan produk Kami.

- Data demografi (seperti umur, jantina, lokasi, bahasa).

Jika SAP memproses kategori khas bagi Data Peribadi menurut undang-undang yang dikenakan, SAP akan meminta persetujuan anda dalam pengakuan khusus.

IV. Apakah Jenis Pihak Ketiga yang SAP peroleh Data Peribadi?

Secara umumnya, SAP menasaskan untuk mengumpulkan Data Peribadi terus daripada anda. Jika anda diwajibkan oleh undang-undang berkanun atau keperluan berkontrak untuk memberikan Data Peribadi kepada SAP dan anda gagal memberikan Data Peribadi sedemikian, maka harap maklum bahawa SAP mungkin tidak dapat memberi anda perkhidmatan dan/atau hubungan perniagaan masing-masing.

Jika anda atau undang-undang yang dikenakan membenarkan Kami berbuat demikian, Kami juga boleh mendapatkan Data Peribadi daripada Pihak Ketiga yang boleh termasuk:

- majikan anda dalam konteks hubungan perniagaannya dengan SAP dan/atau [Kumpulan SAP](#),
- Pihak Ketiga yang anda arahkan supaya mengongsikan Data Peribadi anda dengan SAP,
- sumber Pihak Ketiga dan sumber yang disiarkan kepada umum seperti broker rangkaian sosial atau maklumat berorientasikan perniagaan.

Apabila Kami mengumpulkan Data Peribadi daripada Pihak Ketiga, kawalan dalaman yang sudah wujud mahu memastikan bahawa sumber pihak ketiga dibenarkan untuk memberikan maklumat ini kepada SAP dan bahawa Kami boleh menggunakannya untuk tujuan ini. SAP akan mengendalikan Data Peribadi ini menurut Pernyataan Privasi ini, serta sebarang sekatan tambahan yang dikenakan oleh pihak ketiga yang memberikan Data Peribadi tersebut kepada SAP atau oleh undang-undang negara yang dikenakan.

V. Tempoh SAP menyimpan Data Peribadi anda

SAP boleh menyimpan Data Peribadi anda selama tempoh tambahan jika perlu untuk pematuhan terhadap kewajipan undang-undang bagi memproses Data Peribadi anda atau jika Data Peribadi diperlukan oleh SAP untuk menegaskan atau membela pihaknya daripada tuntutan undang-undang. SAP akan menyimpan Data Peribadi anda sehingga akhir tempoh penyimpanan yang berkaitan atau sehingga tuntutan yang berkenaan selesai. SAP hanya menyimpan Data Peribadi anda selagi diperlukan:

- agar SAP dapat mematuhi kewajipan berkanun bagi menyimpan Data Peribadi, menyebabkan antara lain, contohnya, daripada undang-undang eksport, kewangan, cukai atau komersial yang dikenakan.
- Untuk pelaksanaan Panel Ini. SAP akan menyimpan Data Peribadi anda selagi Kami menjalankan aktiviti penyelidikan pengguna, atau sehingga anda meminta SAP memadamkannya. Bagaimanapun, jika anda tidak memohon mana-mana kajian yang anda diundang, Kami akan mengesahkan dengan anda selewat-lewatnya selepas 3 tahun tanpa aktiviti, sama ada Kami harus menyimpan data anda dalam Panel Ini atau sama ada anda mahu data anda dipadamkan.

VI. Siapakah penerima Data Peribadi anda?

Data Peribadi anda akan dipindahkan kepada atau diakses oleh pihak ketiga daripada kategori yang berikut untuk memproses Data Peribadi anda:

- **Entiti Kumpulan SAP:** Entiti lain dalam Kumpulan SAP boleh juga menerima atau mendapat akses kepada Data Peribadi sama ada semasa memberikan perkhidmatan dalaman kumpulan secara berpusat dan bagi pihak SAP SE serta entiti kumpulan SAP yang lain atau semasa Data Peribadi dipindahkan kepada mereka berdasarkan undang-undang masing-masing. Dalam hal ini, entiti-entiti ini boleh memproses Data Peribadi untuk tujuan yang sama dan menurut syarat yang sama seperti yang digariskan dalam Pernyataan Privasi ini. Senarai semasa bagi entiti Kumpulan SAP boleh didapati [di sini](#).
- **Penyedia perkhidmatan:** UserInterviews, Inc, sebuah syarikat korporat Amerika Syarikat (Delaware), dengan tempat perniagaan di 228 Park Ave S, PMB 38712, New York, NY 10003.

VII. Apakah hak perlindungan data anda dan bagaimana boleh anda gunakan hak tersebut?

SAP menghormati hak berkanun anda dalam hal Pemrosesan Data Peribadi anda. Setakat yang disediakan oleh undang-undang perlindungan data yang dikenakan, anda berhak untuk:

- mengakses Data Peribadi anda yang kami miliki tentang anda, atau mengemaskinikan data tersebut.
- Kemudahan data bagi Data Peribadi yang anda berikan kepada SAP, jika SAP menggunakan Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda atau untuk melaksanakan kontrak dengan anda. Dalam hal ini, sila hubungi [userresearch_panel_privacy\[@\]sap.com](mailto:userresearch_panel_privacy[@]sap.com) dan nyatakan maklumat atau aktiviti pemrosesan yang berkaitan dengan permintaan anda, format Data Peribadi yang ingin anda terima, dan sama ada data harus dihantar kepada anda atau penerima lain. SAP akan mempertimbangkan permintaan anda dengan teliti dan berbincang dengan anda tentang cara terbaik untuk memenuhi permintaan tersebut.
- Memadamkan Data Peribadi anda yang kami simpan tentang anda. Sila ambil perhatian bahawa, bagaimanapun, SAP boleh atau akan memadamkan Data Peribadi anda hanya jika tiada kewajipan berkanun

atau hak SAP yang mengatasinya untuk menyimpan data tersebut. Jika anda meminta SAP memadamkan Data Peribadi anda, anda mungkin tidak dapat meneruskan penggunaan apa-apa perkhidmatan SAP yang memerlukan penggunaan Data Peribadi anda oleh SAP.

- Membantah terhadap pemprosesan lanjut Data Peribadi anda oleh SAP, jika dan setakat SAP memproses Data Peribadi anda berdasarkan Kepentingan Sahnya. Apabila anda membantah terhadap pemprosesan Data Peribadi anda oleh SAP, pihak SAP akan menyemak bantahan anda dengan teliti dan menghentikan penggunaan lanjut maklumat yang berkaitan, tertakluk pada asas sah yang mendorong SAP meneruskan penggunaan Data Peribadi tersebut, yang boleh mengatasi kepentingan anda dalam bantahan, atau jika SAP memerlukan maklumat tersebut untuk mengadakan, melaksanakan, atau membela pihaknya daripada tuntutan undang-undang.
- Membantah terhadap pemasaran langsung atau menggunakan pemprofilan yang berkaitan dengan pemasaran langsung. Apabila anda menolak pemprosesan Data Peribadi anda oleh SAP untuk tujuan pemasaran langsung, SAP akan menghentikan dengan serta-merta daripada memproses data peribadi anda untuk tujuan sedemikian.
- Membatalkan persetujuan, apabila SAP memproses Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda, anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghentikan langganan atau memberi Kami notis penarikan balik persetujuan masing-masing. Sekiranya persetujuan ditarik balik, SAP tidak akan memproses lagi Data Peribadi yang tertakluk pada persetujuan ini melainkan dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang supaya berbuat demikian (contohnya, jika Data Peribadi anda diperlukan oleh SAP untuk menegaskan atau membela pihaknya daripada tuntutan undang-undang). Sekiranya SAP dikehendaki atau dibenarkan menyimpan Data Peribadi anda atas sebab undang-undang yang lain, Data Peribadi anda akan disekat daripada pemprosesan lanjut dan hanya disimpan selama tempoh yang dikehendaki oleh undang-undang atau untuk memenuhi tujuan lain. Bagaimanapun, apa-apa penarikan balik persetujuan tidak memberikan kesan kepada pemprosesan Data Peribadi yang lalu oleh SAP, hingga tiba masa anda menarik balik persetujuan anda. Tambahan pula, jika penggunaan anda pada tawaran SAP memerlukan persetujuan anda terlebih dahulu, SAP tidak akan dapat lagi memberikan perkhidmatan, tawaran atau peristiwa yang berkenaan kepada anda selepas pembatalan anda.
- Tidak tertakluk pada keputusan berdasarkan cara automatik semata-mata, jika keputusan tersebut menimbulkan kesan undang-undang berkenaan dengan anda atau secara ketara memberikan kesan kepada anda dengan cara yang sama.
- Mengemukakan aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan yang kompeten jika anda tidak berpuas hati dengan cara SAP memproses Data Peribadi anda. Pihak berkuasa penyeliaan anda yang kompeten boleh didapati dalam bahagian khusus negara.

Bergantung pada undang-undang perlindungan data tempatan yang dikenakan, hak anda mungkin tertakluk pada lencongan, pengecualian, atau pengecualian seperti yang dinyatakan dalam bahagian khusus negara "B. Peruntukan Tambahan Khusus Negara dan Wilayah". Sila ambil maklum bahawa SAP menghormati hak berkanun anda dalam hal Pemprosesan Data Peribadi anda setakat yang disediakan oleh undang-undang perlindungan data yang dikenakan.

Cara anda boleh gunakan hak perlindungan data anda.

Sila hantar sebarang permintaan untuk menggunakan hak anda kepada [userresearch_panel_privacy\[@\]sap.com](mailto:userresearch_panel_privacy[@]sap.com). SAP akan mengambil beberapa langkah untuk memastikan syarikat ini mengesahkan identiti anda sehingga tahap kepastian yang munasabah sebelum ia memproses hak perlindungan data yang ingin anda gunakan. Apabila boleh dilaksanakan, SAP akan memadamkan Data Peribadi yang telah anda berikan semasa menyerahkan permintaan untuk menggunakan hak anda dengan maklumat yang sudah sedia disimpan oleh SAP. Hal ini boleh merangkumi langkah memadamkan dua atau beberapa lagi titik data yang anda berikan apabila anda menyerahkan permintaan dengan dua atau beberapa lagi titik data yang sudah sedia disimpan oleh SAP.

SAP akan menolak untuk memproses permintaan yang jelas tidak berasas, berlebih-lebihan, palsu, diwakili oleh pihak ketiga tanpa mewakili pihak berkuasa masing-masing seperti yang sepatutnya atau juga tidak dikehendaki oleh undang-undang tempatan.

VIII. Bolehkah anda menggunakan perkhidmatan SAP jika anda masih bawah umur?

Secara umumnya, Penal Ini tidak disasarkan kepada pengguna yang berusia bawah 16 tahun, atau umur minimum yang setara dalam bidang kuasa yang berkenaan. Jika usia anda belum mencapai 16 tahun atau umur minimum yang setara dalam bidang kuasa yang berkenaan, anda tidak boleh mendaftar dengan dan menggunakan Panel Ini.

B. PERUNTUKAN TAMBAHAN KHUSUS NEGARA DAN WILAYAH

I. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di EU/EEA atau negara yang undang-undang negaranya setara dengan GDPR

Siapakah pihak berkuasa Perlindungan Data yang berkenaan?

Anda boleh mendapatkan butiran hubungan pihak berkuasa penyeliaan perlindungan data yang kompeten bagi tempat anda [di sini](#). Ketua pihak berkuasa penyeliaan perlindungan data SAP berada di Landesbeauftragter für den Datenschutz und die Informationsfreiheit Baden-Württemberg dan boleh dihubungi melalui Lautenschlagerstraße 20, 70173 Stuttgart/Germany.

Bagaimanakah SAP memberikan alasan yang kuat tentang pemindahan data antarabangsa?

Sebagai sebuah kumpulan syarikat global, SAP mempunyai anggota gabungan kumpulan dan menggunakan penyedia perkhidmatan pihak ketiga juga di negara di luar Kawasan Ekonomi Eropah (“EEA”). SAP boleh memindahkan Data Peribadi anda ke negara di luar EEA sebagai penglibatan dalam operasi perniagaan antarabangsa SAP. Jika Kami memindahkan Data Peribadi dari sebuah negara di EU atau EEA ke sebuah negara di luar EEA dan dengan Suruhanjaya EU tidak mengeluarkan keputusan yang mencukupi, SAP menggunakan fasal kontrak standard EU untuk secara berkontrak menghendaki pengimport data memastikan tahap perlindungan data selaras dengan tahap di EEA untuk melindungi Data Peribadi anda. Anda boleh mendapatkan satu salinan (telah disunting untuk mengeluarkan maklumat komersial atau tidak berkaitan) fasal berkontrak standard yang sedemikian dengan menghantar permintaan melalui e-mel kepada [privacy\[@\]sap.com](mailto:privacy[@]sap.com). Anda juga boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada Suruhanjaya Eropah tentang dimensi antarabangsa bagi perlindungan data [di sini](#).

II. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Australia

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Akta Privasi 1988 (Cth) ('Akta Privasi'), perkara berikut diguna pakai:

SAP boleh menyimpan Data Peribadi anda dalam fail bentuk kertas atau sebagai rekod elektronik dalam storan Awan atau pada peranti fizikal, contohnya, sistem komputer. Data Peribadi anda mungkin dipegang dan disimpan oleh [Kumpulan SAP](#) yang terletak di negara lain untuk tujuan perniagaan kami termasuk mendapatkan khidmat sumber luar dan pemrosesan data. Kami hanya akan melakukan perkara ini apabila perlu atau wajar untuk mencapai tujuan yang dinyatakan dalam Pernyataan Privasi ini. Kami mengambil langkah yang berpatutan untuk melindungi maklumat peribadi anda daripada penyalahgunaan, gangguan dan kehilangan dan daripada akses, pengubahsuaian, atau pendedahan tanpa kebenaran.

Anda boleh menghubungi Kami sama ada melalui nombor telefon +61 2 9935 4939 atau melalui e-mel [userresearch_panel_privacy\[@\]sap.com](mailto:userresearch_panel_privacy[@]sap.com) untuk menggunakan hak-hak yang berikut:

- Anda boleh membuat permintaan kepada SAP pada bila-bila masa untuk mengakses maklumat tentang jenis Data Peribadi yang SAP proses tentang anda dan, jika perlu, meminta pembetulan bagi Data Peribadi sedemikian. Sila ambil perhatian bahawa, bagaimanapun, SAP boleh atau akan memadamkan Data Peribadi anda hanya jika tiada kewajipan berkanun atau hak SAP yang mengatasinya untuk menyimpan data tersebut.
- Dalam apa juga keadaan apabila SAP memproses Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda, anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghentikan langganan atau memberi Kami notis penarikan diri masing-masing. Sekiranya persetujuan ditarik balik, SAP tidak akan memproses lagi Data Peribadi yang tertakluk pada persetujuan ini melainkan dikehendaki oleh undang-undang supaya berbuat demikian. Sekiranya SAP dikehendaki menyimpan Data Peribadi anda atas sebab undang-undang, Data Peribadi anda akan disekat daripada pemrosesan lanjut dan hanya disimpan selama tempoh yang dikehendaki oleh undang-undang. Bagaimanapun, apa-apa penarikan balik persetujuan tidak memberikan kesan kepada pemrosesan Data Peribadi yang lalu oleh SAP, hingga tiba masa anda menarik balik persetujuan anda.
- Di Australia, aduan perlu dibuat kepada SAP dahulu secara bertulis seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang privasi dan perlindungan Data Peribadi melalui laman web Pejabat Suruhanjaya Maklumat Australia.

III. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Colombia.

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Undang-undang Berkanun Colombia 1581 bagi 2012 dan Dekri 1377 bagi 2013, perkara yang berikut diguna pakai:

Di Colombia, anda berhak untuk:

- mengakses, mengemaskinikan dan membetulkan Data Peribadi anda.
- Meminta bukti persetujuan anda.
- Menerima maklumat tentang cara SAP Memproses Data Peribadi anda setelah membuat permintaan.
- Mengemukakan aduan kepada pihak Pengawasan Industri dan Perdagangan (SIC, Superintendence of Industry and Commerce) tentang pelanggaran undang-undang yang dikenakan.

- Membatalkan persetujuan anda dan/atau meminta pemadaman Data Peribadi anda, dengan syarat tiada kewajipan undang-undang atau berkontrak yang menyusul, yang membolehkan SAP menyimpan Data Peribadi anda dalam pangkalan data SAP.

SAP Colombia S.A. boleh Memproses sendiri Data Peribadi anda atau bagi pihak Kumpulan SAP, yang pejabat utamanya terletak di Carrera 9 No 115 – 06, Edificio Tierra Firme Of. 2401 Bogotá D.C., Colombia. Anda boleh menghubungi Kami sama ada melalui nombor telefon +57-6003000 atau melalui e-mel kepada [userresearch_panel_privacy\[@\]sap.com](mailto:userresearch_panel_privacy[@]sap.com). SAP akan bertanggungjawab untuk menjawab apa-apa permintaan, soalan, dan aduan yang ingin anda ajukan tentang hak anda untuk mengakses, mengemaskinikan, membetulkan dan memadamkan Data Peribadi anda, atau membatalkan persetujuan anda.

IV. Apabila SAP tertakluk pada keperluan Undang-undang Perlindungan Data Umum Brazil (LGPD, Brazilian General Data Protection Law)

SAP telah melantik seorang Pegawai Perlindungan Data untuk Brazil. Pertanyaan, permintaan atau aduan bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data kami boleh dihantar melalui pos kepada Avenida das Nações Unidas 14171 - Marble Tower – 7th Floor - São Paulo-SP, Brazil 04794-000 atau e-mel kepada [privacy\[@\]sap.com](mailto:privacy[@]sap.com).

V. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Filipina.

Apabila SAP tertakluk pada Akta Privasi Data Filipina dan Pelaksanaan Aturan dan Peraturannya, perkara berikut diguna pakai:

- Apabila anda meminta untuk mengemaskinikan atau membetulkan Data Peribadi anda, SAP boleh menafikan permintaan tersebut jika ia jelas tidak berasas, menyusahkan, atau juga tidak wajar.
- Apabila meminta kemudahan data bagi Data Peribadi yang anda berikan kepada SAP, anda mesti menyatakan juga format elektronik atau berstruktur yang biasa digunakan, yakni bentuk Data Peribadi yang ingin anda terima.
- Apabila anda meminta untuk membantah terhadap pemrosesan Data Peribadi anda: (i) Anda boleh berbuat demikian jika SAP memproses berdasarkan Kepentingan Sahnya. SAP akan menyemak dengan teliti bantahan anda dan menghentikan penggunaan lanjut terhadap maklumat yang berkaitan, melainkan SAP mempunyai asas undang-undang yang lain untuk pemrosesan dalam Seksyen 12 dan 13 dalam Akta Privasi Data. (ii) Anda juga boleh membantah pemrosesan Data Peribadi anda untuk pemasaran langsung, pemprofilan, atau dalam hal pemrosesan automatik apabila Data Peribadi anda akan, atau mungkin akan, dibuat sebagai satu-satunya asas bagi sebarang keputusan yang jelas sekali memberikan kesan atau akan memberikan kesan kepada anda.
- Anda boleh meminta bantuan melalui e-mel kepada [userresearch_panel_privacy\[@\]sap.com](mailto:userresearch_panel_privacy[@]sap.com) untuk menggunakan hak perlindungan data anda.
- Pampasan hanya boleh dituntut apabila Suruhanjaya Privasi Negara (National Privacy Commission) atau mahkamah menentukan bahawa anda mendapat mudarat kerana Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, tidak terkini, palsu, diperoleh secara tidak sah, atau penggunaan tanpa kebenaran, dengan mempertimbangkan apa-apa pelanggaran hak dan kebebasan anda. Begitu juga, anda boleh cuba menuntut daripada Suruhanjaya Privasi Negara, tetapi perlu ditunjukkan dengan jelas bahawa anda terkesan oleh pelanggaran privasi, pelanggaran Data Peribadi, atau juga terjejas secara peribadi oleh pelanggaran Akta Privasi Data.

Butiran hubungan Pegawai Perlindungan Data tempatan anda adalah seperti berikut:

- Data Protection Officer, SAP Philippines Inc., 27th Floor NAC Tower, 32nd Street Bonifacio Global City, Taguig City, 1632; e-mel: [dpo_sap.ph\[@\]sap.com](mailto:dpo_sap.ph[@]sap.com); nombor telefon: +632-8705-2500
- Data Protection Officer, Concur (Philippines) Inc., 7th Floor Alphaland Southgate Mall, Chino Roces, Makati City, e-mel: [dpo_concur.ph\[@\]sap.com](mailto:dpo_concur.ph[@]sap.com); nombor telefon: +632-8705-2500
- Data Protection Officer, SuccessFactors (Philippines) Inc.; 14th and 15th Floors Cyberscape Gamma, Topaz and Ruby Roads, Ortigas Center; Pasig City, e-mel: [dpo_successfactors.ph\[@\]sap.com](mailto:dpo_successfactors.ph[@]sap.com); nombor telefon +632-8705-2500

VI. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Afrika Selatan.

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Akta Perlindungan Maklumat Peribadi (POPIA, Protection of Personal Information Act), 2013 di Afrika Selatan, perkara yang berikut diguna pakai:

“Data Peribadi” sebagaimana yang digunakan dalam Pernyataan Privasi ini bermaksud Maklumat Peribadi sebagaimana istilah sedemikian ditakrifkan menurut POPIA. “Anda” dan “Milik Anda” sebagaimana yang digunakan dalam Pernyataan Privasi ini bermaksud orang sebenar atau organisasi orang sebenar sebagaimana istilah sedemikian digunakan menurut POPIA.

Systems Applications Products (Africa Region) Proprietary Limited, Systems Applications Products (South Africa) Proprietary Limited, dan Quadrem (Pty) Ltd dengan alamat berdaftar di 1 Woodmead Drive, Woodmead (SAP South Africa) adalah tertakluk pada Akta Perlindungan Maklumat Peribadi, 2013 (Akta 4 bagi 2013) Afrika Selatan dan pihak bertanggungjawab menurut POPIA.

Anda berhak untuk:

- meminta butiran maklumat peribadi yang Kami simpan tentang diri anda menurut Akta Galakan Akses kepada Maklumat 2 daripada 2000 (PAIA, Promotion of Access to Information Act). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila semak manual PAIA SAP yang terdapat [di sini](#). Sekiranya anda percaya bahawa SAP Afrika Selatan sebagai pihak yang bertanggungjawab telah menggunakan Maklumat Peribadi anda bertentangan dengan POPIA, anda cuba dahulu untuk menyelesaikan apa-apa perkara yang membimbangkan dengan SAP Afrika Selatan. Anda boleh menghubungi Kami melalui telefon 011 325 6000, melalui pos 1 Woodmead Drive, Woodmead, Johannesburg, South Africa 2148 atau melalui e-mel [privacy@\[sap.com\]](mailto:privacy@[sap.com]).
- Jika anda tidak berpuas hati dengan proses di atas, anda berhak mengemukakan aduan kepada Pengawal Atur Maklumat (Information Regulator) melalui pos kepada JD House, 27 Stiemens Street, Braamfontein, Johannesburg, 2001, P.O. Box 31533, Braamfontein, Johannesburg, 2017 atau melalui e-mel: [complaints.IR@\[justice.gov.za\]](mailto:complaints.IR@[justice.gov.za]) atau untuk pertanyaan: [inforeg@\[justice.gov.za\]](mailto:inforeg@[justice.gov.za]).

VII. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Amerika Syarikat.

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Akta Privasi Pengguna California 2018 (CCPA, California Consumer Privacy Act), seperti yang dipinda oleh Akta Privasi Pengguna California 2020 (CPRA), yang selepas ini dirujuk sebagai "CCPA" atau apabila undang-undang negeri AS yang lain mempunyai keperluan yang serupa, perkara berikut diguna pakai:

Anda berhak untuk:

- Mengetahui jenis maklumat peribadi yang perniagaan kumpulkan tentang pengguna, termasuk kategori maklumat peribadi, kategori sumber bagi maklumat peribadi yang dikumpulkan, tujuan perniagaan atau komersial terhadap pengumpulan, penjualan, atau perkongsian maklumat peribadi, kategori pihak ketiga yang menerima pendedahan maklumat peribadi daripada perniagaan, dan jenis maklumat peribadi tertentu yang perniagaan kumpulkan tentang pengguna.
- Memadamkan maklumat peribadi yang perniagaan kumpulkan daripada pengguna, tertakluk pada pengecualian yang tertentu.
- Membetulkan maklumat peribadi yang tidak tepat, yang disimpan oleh perniagaan tentang pengguna.
- Menarik diri daripada jualan atau perkongsian maklumat peribadi mereka oleh perniagaan (apabila dikenakan).
- Mengehadkan penggunaan atau pendedahan maklumat peribadi yang sensitif oleh perniagaan (tertakluk pada pengecualian tertentu, apabila dikenakan).
- Menerima layanan tanpa diskriminasi untuk menggunakan hak-hak ini.

Bagaimanakah boleh anda gunakan Hak Perlindungan Data anda?

Untuk melaksanakan hak ini, atau untuk mengehadkan Perkongsian Maklumat Peribadi anda, sila hubungi kami melalui:

E-mel: [userresearch_panel_privacy@\[sap.com\]](mailto:userresearch_panel_privacy@[sap.com]) atau melalui

Alamat:

SAP SE, Data Protection Officer, Dietmar-Hopp-Allee 16, 69190 Walldorf, Germany

Menurut proses pengesahan yang dikemukakan di bawah undang-undang negeri berkenaan di AS (mengikut kesesuaian), SAP mungkin memerlukan proses pengesahan yang lebih ketat terhadap permintaan pemadaman (atau untuk Data Peribadi yang dianggap sensitif atau bernilai) bagi meminimumkan mudarat yang timbul terhadap anda melalui akses atau pemadaman Data Peribadi anda tanpa kebenaran. Jika SAP perlu meminta maklumat tambahan daripada anda selain maklumat yang sudah sedia disimpan oleh SAP, SAP hanya akan menggunakan maklumat tambahan itu untuk mengesahkan identiti anda supaya anda boleh menggunakan hak perlindungan data anda, atau untuk tujuan keselamatan dan pencegahan penipuan. Anda boleh melantik ejen diberi kuasa untuk menyerahkan permintaan bagi menggunakan hak perlindungan data anda kepada SAP. Ejen tersebut mesti menyerahkan pengesahan untuk bertindak bagi pihak anda dan, apabila dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan, ejen itu mesti berdaftar sewajarnya.

Insentif Kewangan. SAP tidak menawarkan insentif kewangan sebagai balasan kepada persetujuan anda untuk berkongsi maklumat peribadi anda, dan juga tidak mengehadkan tawaran perkhidmatan yang anda tarik diri daripada

perkongsian sedemikian (melainkan perkongsian itu boleh dikatakan perlu untuk melaksanakan perkhidmatan yang berkaitan).

Privasi Kanak-kanak. Memandangkan Panel Ini tidak disasarkan kepada pengguna yang berusia bawah 16 tahun, SAP tidak menjual atau mengongsikan maklumat peribadi bagi mana-mana kanak-kanak yang berusia bawah 16 tahun. Jika anda ialah ibu/bapa atau penjaga dan percaya bahawa SAP telah mengumpulkan maklumat tentang anak anda, sila hubungi SAP. SAP akan mengambil langkah untuk memadamkan maklumat tersebut secepat mungkin.

VIII. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Singapura.

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi (“PDPA”) Singapura, perkara yang berikut diguna pakai:

- Anda boleh meminta daripada SAP supaya memberikan data peribadi tentang diri anda yang mereka simpan atau di bawah kawalan SAP dan maklumat tentang cara data peribadi sedemikian telah digunakan atau mungkin telah digunakan atau didedahkan oleh SAP dalam setahun sebelum permintaan ini. Harap maklum bahawa SAP tidak berkewajipan untuk menyetujui permintaan anda jika apa-apa pengecualian menurut PDPA dikenakan.
- Anda boleh mengemukakan permintaan untuk membetulkan data peribadi yang tidak tepat/tidak lengkap dalam sistem kami. Harap maklum bahawa SAP tidak berkewajipan untuk menyetujui permintaan anda jika apa-apa pengecualian menurut PDPA dikenakan.
- Membatalkan persetujuan, apabila SAP memproses Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda, anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghentikan langganan atau memberi Kami notis penarikan balik persetujuan masing-masing. Sekiranya persetujuan ditarik balik, SAP tidak akan memproses lagi Data Peribadi yang tertakluk pada persetujuan ini melainkan dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang supaya berbuat demikian (contohnya, jika Data Peribadi anda diperlukan oleh SAP untuk menegaskan atau membela pihaknya daripada tuntutan undang-undang). Sekiranya SAP dikehendaki atau dibenarkan menyimpan Data Peribadi anda atas sebab undang-undang yang lain, Data Peribadi anda akan disekat daripada pemrosesan lanjut dan hanya disimpan selama tempoh yang dikehendaki oleh undang-undang atau untuk memenuhi tujuan lain. Bagaimanapun, apa-apa penarikan balik persetujuan tidak memberikan kesan kepada pemrosesan Data Peribadi yang lalu oleh SAP, hingga tiba masa anda menarik balik persetujuan anda. Tambahan pula, jika penggunaan anda pada tawaran SAP memerlukan persetujuan anda terlebih dahulu, SAP tidak akan dapat lagi memberikan perkhidmatan, tawaran atau peristiwa yang berkenaan kepada anda selepas pembatalan anda.
- Mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi (PDPC, Personal Data Protection Commission) jika anda tidak berpuas hati dengan cara SAP memproses Data Peribadi anda.

SAP telah melantik seorang Pegawai Perlindungan Data untuk Singapura. Pertanyaan, permintaan atau aduan bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data (Data Protection Officer) kami boleh dihantar melalui pos kepada Mapletree Business City, 30 Pasir Panjang Rd, #03-32, Singapore 117440 atau e-mel kepada [privacy@\[\]sap.com](mailto:privacy@[]sap.com) dengan baris perkara “Data Protection Officer” atau boleh ditangani melalui telefon +65 6664 6868.

IX. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Korea Selatan.

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Akta Perlindungan Maklumat Peribadi (PIPA, Personal Information Protection Act) di Korea Selatan, perkara yang berikut diguna pakai:

Data peribadi anda mungkin diproses di seluruh dunia. Apabila data peribadi anda diproses melintasi sempadan negara, SAP mematuhi undang-undang tentang pemindahan data peribadi antara negara untuk memastikan data peribadi anda dilindungi. Data peribadi anda mungkin dipindahkan ke, diakses atau diproses mengikut kategori pihak ketiga seperti yang diuraikan di atas.

Bagaimanakah boleh anda gunakan hak perlindungan data anda?

SAP telah melantik Ketua Pegawai Privasi tempatan untuk Korea Selatan.

Sila hantar sebarang pertanyaan atau permintaan melalui e-mel kepada [userresearch_panel_privacy@\[\]sap.com](mailto:userresearch_panel_privacy@[]sap.com) atau melalui telefon +82-2-2194-2279.

X. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Malaysia.

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi (“PDPA”) bagi Malaysia, perkara yang berikut diguna pakai:

Pertanyaan, permintaan atau aduan bertulis boleh dihantar kepada Penyelaras Perlindungan dan Privasi Data untuk Malaysia melalui e-mel [userresearch_panel_privacy@\[\]sap.com](mailto:userresearch_panel_privacy@[]sap.com) atau boleh ditangani melalui telefon +60 3-2202 6000.

SAP telah melaksanakan garis panduan teknologi, ciri keselamatan dan dasar yang ketat untuk melindungi privasi Data Peribadi pengguna.

Untuk Pernyataan Privasi ini dalam bahasa Malaysia (Melayu), sila klik [di sini](#).

XI. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di New Zealand

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Akta Privasi 2020 ('Akta Privasi'), perkara berikut diguna pakai:

Jika Data Peribadi tidak dikumpulkan, kami tidak akan dapat mengundang anda untuk menyertai kajian penyelidikan pengguna.

Anda berhak untuk:

- membuat permintaan kepada SAP pada bila-bila masa untuk mengakses maklumat tentang jenis Data Peribadi yang SAP proses tentang anda dan, jika perlu, meminta pembetulan bagi Data Peribadi sedemikian. Sila ambil perhatian bahawa, bagaimanapun, SAP boleh atau akan memadamkan Data Peribadi anda hanya jika tiada kewajipan berkanun atau hak SAP yang mengatasinya untuk menyimpan data tersebut.
- Dalam apa juga keadaan apabila SAP memproses Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda, anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghentikan langganan atau memberi Kami notis penarikan diri masing-masing. Sekiranya persetujuan ditarik balik, SAP tidak akan memproses lagi Data Peribadi yang tertakluk pada persetujuan ini melainkan dikehendaki oleh undang-undang supaya berbuat demikian. Sekiranya SAP dikehendaki menyimpan Data Peribadi anda atas sebab undang-undang, Data Peribadi anda akan disekat daripada pemprosesan lanjut dan hanya disimpan selama tempoh yang dikehendaki oleh undang-undang. Bagaimanapun, apa-apa penarikan balik persetujuan tidak memberikan kesan kepada pemprosesan Data Peribadi yang lalu oleh SAP, hingga tiba masa anda menarik balik persetujuan anda.

XII. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Kanada

Data Peribadi anda mungkin diproses di seluruh dunia. Jika data peribadi anda diproses melintasi sempadan negara, SAP mematuhi undang-undang pemindahan Data Peribadi antara negara untuk memastikan data peribadi anda dilindungi. Ia boleh, bagaimanapun, berdasarkan undang-undang negara sedemikian, tertakluk pada akses oleh penguatkuasaan undang-undang tempatan.

XIII. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di Mexico.

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Undang-undang Persekutuan Mexico untuk Perlindungan Data Peribadi yang Dipegang oleh Pihak Persendirian 2010, perkara berikut diguna pakai:

Anda berhak untuk memfailkan aduan dengan National Institute of Transparency Access to Information and Protection of Personal Data (INAI) untuk menyatakan apa-apa percanggahan pendapat yang berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda oleh SAP.

SAP berhak untuk meminda, mengubah suai, menambah atau mengeluarkan bahagian dalam Pernyataan Privasi ini menurut budi bicaranya semata-mata. Dalam hal yang sedemikian, SAP akan mengekalkan ketersediaan versi lengkap Pernyataan Privasi SAP. SAP akan memberitahu anda tentang apa-apa pindaan atau pengubahsuaian pada Pernyataan Privasi ini melalui saluran perhubungan masing-masing yang Kami miliki berkaitan dengan anda, contohnya di laman web Kami.

XIV. Apabila SAP tertakluk pada keperluan privasi di India

Apabila SAP tertakluk pada keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi Digital 2023 (DPDPA, Digital Personal Data Protection Act), perkara yang berikut diguna pakai:

Sebagai sebahagian daripada kumpulan syarikat global yang beroperasi pada peringkat antarabangsa, SAP mempunyai sekutu ([Kumpulan SAP](#)) dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga di luar wilayah India dan akan memindahkan Data Peribadi anda ke negara di luar wilayah India, tertakluk pada apa-apa sekatan sebagaimana yang mungkin diberitahu oleh Kerajaan Pusat berkenaan dengan hal ini.

Anda berhak untuk:

- membuat permintaan kepada SAP pada bila-bila masa untuk mengakses maklumat tentang jenis Data Peribadi yang SAP proses tentang anda dan, jika perlu, pembetulan, penyiapan, kemaskinian atau pepadaman Data Peribadi sedemikian. Sila ambil perhatian bahawa, bagaimanapun, SAP boleh atau akan memadamkan Data Peribadi anda hanya jika tiada kewajipan berkanun atau hak SAP yang mengatasinya untuk menyimpan data tersebut. Jika anda meminta SAP memadamkan Data Peribadi anda, anda mungkin tidak dapat meneruskan penggunaan apa-apa perkhidmatan SAP yang memerlukan penggunaan Data Peribadi anda oleh SAP.
- Dalam apa juga keadaan apabila SAP memproses Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda, anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghentikan langganan atau memberi Kami notis penarikan diri masing-masing. Sekiranya persetujuan ditarik balik, SAP tidak akan memproses lagi Data Peribadi yang tertakluk pada persetujuan ini melainkan dikehendaki oleh undang-undang supaya

berbuat demikian. Sekiranya SAP dikehendaki menyimpan Data Peribadi anda atas sebab undang-undang, Data Peribadi anda akan disekat daripada pemprosesan lanjut dan hanya disimpan selama tempoh yang dikehendaki oleh undang-undang. Bagaimanapun, apa-apa penarikan balik persetujuan tidak memberikan kesan kepada pemprosesan Data Peribadi yang lalu oleh SAP, hingga tiba masa anda menarik balik persetujuan anda.

- meminta daripada SAP hak untuk disediakan cara menyelaraskan ketidakseimbangan kilanan yang disediakan oleh SAP berhubung dengan apa-apa tindakan atau ketiadaan SAP berkenaan dengan pelaksanaan kewajipan SAP berkaitan dengan Data Peribadi anda atau pelaksanaan hak oleh anda yang berkaitan padanya.
- menamakan, mana-mana individu lain, yang akan, sekiranya berlaku kematian atau ketidakupayaan anda, melaksanakan hak perlindungan data anda.

Sila hantar sebarang permintaan/pertanyaan untuk menggunakan hak anda kepada [userresearch_panel_privacy\[@\]sap.com](mailto:userresearch_panel_privacy[@]sap.com). Di India, selepas menggunakan segala peluang untuk menyelaraskan hak kilanan, anda boleh mengemukakan aduan kepada Lembaga Perlindungan Data India.